

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHA KEE CHIN (RASAH)

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan secara terperinci 'proses pemutihan' yang dilakukan oleh Perbadanan Aset Keretapi (RAC) di sepanjang jajaran landasan keretapi Seremban - Port Dickson. Nyatakan juga bilangan lot kediaman, komersial dan rumah ibadat yang terlibat dan apakah justifikasi ke atas proses tersebut yang akan menyebabkan penduduk membayar sewa pada zaman pandemik ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan beberapa teguran audit berhubung isu pendudukan tidak sah yang melibatkan tanah-tanah kereta api berstatus hak milik dan rizab, RAC telah mengambil pendekatan untuk menyelesaikan isu tersebut melalui aktiviti pemutihan secara berperingkat termasuklah di jajaran Seremban ke Port Dickson. Pendekatan ini dibuat agar penduduk yang telah lama berada di atas tanah kereta api dapat menduduki tapak tersebut melalui ikatan perjanjian yang sah dengan pihak RAC.

Aktiviti pemutihan ini melibatkan beberapa sesi libat urus dan perbincangan serta lawatan tapak bersama pihak penduduk Kg Pulai, Ketua-ketua Kampung Kuala Sawah dan Ahli Majlis Daerah Rembau di mana mereka telah bersetuju supaya RAC meneliti semula rekod sewaan dan senarai pendudukan tidak sah di tapak. Lanjutan daripada itu, RAC telah melaksanakan aktiviti pemutihan di sepanjang jajaran Seremban ke Port Dickson bermula pada 8 hingga 26 November 2021 dan akan disambung semula pada awal Januari 2022 di sekitar Port Dickson.

Sehingga 26 November 2021, sebanyak 225 borang permohonan sewa telah diterima beserta yuran proses sebanyak RM200.00. Jumlah ini masing-masing melibatkan 119 buah kediaman, 47 aktiviti pertanian, 21 tapak bagi permohonan mendirikan stor, kawasan parkir dan lain-lain struktur berkaitan, 18 aktiviti penternakan, 17 aktiviti komersial dan 3 (tiga) rumah ibadat (kuil).

Kesemua borang permohonan ini akan diproses pada pertengahan Januari 2022 setelah aktiviti pemutihan selesai sepenuhnya di kawasan Port Dickson dan akan diangkat ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah RAC untuk dipertimbangkan.